

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	23 May 2015



Marang: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak perlu diberi peluang menggunakan acuannya sendiri mentadbir negara untuk menjana ekonomi dan menyediakan pelbagai kemudahan bagi kesejahteraan rakyat dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang diumumkan kelmarin.

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, walaupun pelbagai kemudahan disediakan untuk kesejahteraan rakyat ada yang positif dan negatif, semua pihak harus memberi peluang kepada Najib menggunakan acuannya sendiri.

Ada ruang untuk diperbaiki

"Saya secara peribadi mengakui kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan untuk kesejahteraan rakyat, tetapi masih ada ruang yang perlu diperbaiki dan diperkembangkan," katanya.

Abdul Hadi berkata walaupun pelbagai kemudahan termasuk lebih 653,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) disediakan, masih ada rakyat terpinggir, selain infrastruktur yang belum sempurna selepas negara mencapai kemerdekaan lebih 50 tahun.

"Perkara negatif yang saya maksudkan ialah kemudahan akan dilaksanakan kerajaan dalam tempoh RMKe-11 bermula tahun depan sehingga tahun 2020 tidak secara menyeluruh... ada negeri yang mungkin terlepas pandang oleh Najib," katanya.